

DATE: 13/10/2009



MUHYIDDIN Yassin bersama wakil-wakil mantan Presiden UMNO (dari kiri) Datuk Mohd. Bisharuddin Mohd. Noor Basha, Datuk Haris Onn Hussein, Tunku Muinuddin Datuk Sri Tunku Ahmad Nerang, Mohd. Nizar Datuk Seri Mohd. Najib, Tun Mahathir Mohamad, Datuk A. Kadir Jasin dan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein pada majlis pelancaran buku *Amanat Presiden UMNO* di Kuala Lumpur, semalam.

## TPM lancar buku *Amanat Presiden UMNO*

Um - 13/10/2009

KUALA LUMPUR 12 Okt. – Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini melancarkan buku *Amanat Presiden UMNO 1946-2009* yang menghimpunkan ucapan dasar enam pemimpin terabit ketika perhimpunan agung parti berkenaan.

Timbalan Perdana Menteri dalam ucapannya berkata, penerbitan buku itu amat berguna kepada seluruh rakyat negara ini untuk memahami pemikiran, asas perjuangan dan dasar kepimpinan Presiden UMNO yang kebanyakannya telah menjadi Perdana Menteri.

“Langkah ini akan membolehkan rakyat lebih memahami antara satu sama lain dan seterusnya saling hormat menghormati dalam menjalani kehidupan selaras dengan semangat 1Malaysia.

“Melalui buku ini, kita juga dapat mengenal sejarah bangsa dan tanah air dengan lebih dekat,” katanya.

Pelancaran buku yang diterbitkan oleh Berita Publishing Sdn. Bhd. di sebuah hotel di sini turut dihadiri oleh

isteri beliau, Puan Sri Noorainee Abdul Rahman; bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali.

Turut hadir Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein yang mewakili bapanya Allahyarham Tun Hussein Onn, cucu tiga Presiden UMNO yang lain dan Ketua Pengarang Berita Publishing, Datuk A. Kadir Jasin.

Muhyiddin yang juga Timbalan Presiden UMNO berkata, penerbitan buku itu diharap dapat meluaskan lagi pemahaman rakyat tentang sejarah penubuhan dan perjuangan UMNO.

“Apabila kita sudah mengenali UMNO dengan lebih dekat menerusi ucapan Presidennya yang terdahulu, barulah perasaan cinta yang mendalam akan lahir.

“Ini akan mengerakkan hati setiap pembaca untuk menabur bakti, berkhidmat dan membalas budi dengan seikhlas-ikhlasnya,” ujar beliau.

Muhyiddin juga berharap sebaran buku itu bukan hanya di kalangan ahli

UMNO sahaja, tetapi lebih meluas lagi.

“Saya dapat bayangkan isi kandungannya juga dibaca, dikupas dan dijadikan rujukan, penyelidikan dan contoh ikutan di kalangan anak muda terutama di institusi pengajian tinggi,” katanya.

Siri buku itu menghimpunkan ucapan enam Presiden UMNO iaitu Allahyarham Datuk Onn Jaafar (1946-1951), Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (1951-1971), Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein (1971-1976), Hussein (1976-1981), Mahathir (1981-2003) dan Tun Abdullah Ahmad Badawi (2003-2009).

Ucapan setiap Presiden dimuatkan dalam jilid tersendiri dan semua enam jilid dikumpulkan menjadi satu set yang dibungkus dalam kotak khas.

Buku yang dijual pada harga RM200 satu set dihasilkan dengan kerjasama Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad, Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Yayasan Kepimpinan Perdana.